

Banjir: 1,200 ^{10/9} penduduk pindah

SHAH ALAM: Hujan lebat petang semalam menyebabkan lebih 1,200 penduduk Kampung Kebun Bunga di Batu Tiga, di sini dipindahkan ke Dewan Orang Ramai Batu Tiga di sini selepas tempat mengukur banjir di perkampungan itu menunjukkan paras setinggi lima meter.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur dan Kemudahan Awam negeri, Datuk Abdul Fatah Iskandar, berkata kejadian banjir di kampung itu berpunca daripada hujan lebat petang semalam sehingga menyebabkan ban sementara yang dibina di sepanjang sungai berhampiran kampung itu pecah.

Beliau berkata, semua mangsa termasuk 600 pendatang asing yang menetap di kampung ini dipindahkan ke dewan berkenaan, manakala bantuan makanan disalurkan oleh Pejabat Daerah Petaling.

Hujan lebat petang semalam turut menimbulkan rasa cemas kepada penduduk di Taman Tun Dr Ismail (TTDI) Jaya di sini, apabila sekali lagi kediaman mereka dilanda banjir kilat akibat hujan lebat yang menyebabkan limpahan air Sungai Damansara.

Seorang penduduk Kampung Kebun Bunga, Harlina Ismail, 31, ketika ditemui berkata, air mulai naik kira-kira jam 5 petang menyebabkan dia dan tiga anaknya meninggalkan

rumah, sehelai sepinggang.

"Tak sampai 15 minit, air naik dengan pantas mencecah paras pinggang. Televisyen dan semua peralatan lain di rumah, musnah," katanya sebab sambil mendukung anaknya, Mohd Adam Daniel, berusia setahun.

Pegawai Kanan Bomba dan Penyelamat Shah Alam, Borhan Lodin, berkata seramai 20 anggota bersama dua bot dikerahkan ke Kampung Kebun Bunga, pada jam 4.46 petang, sebagai langkah berjaga-jaga selepas peman-tauan mendapati air mulai naik.

"Banjir dipercayai berlaku berikutan ban yang baru diperbaiki di Sungai Damansara, berhampiran Kampung Kebun Bunga, pecah," katanya.

Bagaimanapun katanya, keadaan banjir di TTDI Jaya tidak serius sehingga memerlukan penduduk di situ berpindah.

Seorang lagi mangsa banjir di Kampung Kebun Bunga, Mohd Rosli Mohd Adam, 57, berkata dia hanya sempat menyelamatkan pakaian manakala harta benda lain terpaksa ditinggalkan.

"Kali ini saya sempat menyelamatkan kereta daripada ditenggelami banjir. Ketika banjir besar Februari lalu, dua kereta saya rosak ditenggelami air," katanya.

Berikutan banjir kilat itu, Kilometer 9, Lebuhraya Lembah Klang Utara (NKVE) terpaksa ditutup mulai jam



HARUNGI BANJIR: Sebuah kereta tersadai di Lebuhraya Mahameru selepas hujan lebat menyebabkan banjir kilat di jalan berkenaan, petang semalam.

5.15 petang menyebabkan kesesakan lalu lintas di kedua-dua laluan.

Jurucakap Plus Expressways Bhd, pengendali lebuhraya itu, berkata tiada kenderaan dilaporkan terperangkap.

Menteri Kerjaraya, Datuk Seri S Samy Vellu yang dimaklumkan mengenai banjir kilat di lebuhraya itu berkata, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Seri Azmi Khalid mendapat persetujuan Kabinet untuk mendalamkan Sungai Damansara.